

Headline	SME Bank Xcess 2021 platform 1,000 PKS pulih perniagaan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	24
ArticleSize	191 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 22,573		



**Kuala Lumpur:** Seramai 1,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas perniagaan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak penularan pandemik Covid-19 diberi peluang memulihkan perniagaan melalui Program SME Bank Xcess 2021.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, SME Bank Xcess adalah program perdana yang dianjurkan SME Bank dalam memenuhi peranannya sebagai institusi kewangan pembangunan (DFI) yang bukan sahaja menyediakan

## SME Bank Xcess 2021 platform 1,000 PKS pulih perniagaan

pembiayaan, tetapi juga melaksanakan pelbagai inisiatif melangkaui pembiayaan.

"Saya lihat Program SME Bank Xcess ini sebagai satu inisiatif utama SME Bank dalam menyokong usaha kerajaan bagi mempercepatkan proses pemulihan dan pembangunan sektor PKS negara," katanya dalam kenyataan.

Program julung kali diadakan secara maya ini adalah platform padanan per-

niagaan peringkat kebangsaan terbesar anjuran SME Bank.

Sementara itu, Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Aria Putera Ismail berkata SME Bank Xcess edisi 2021 ini berubah secara keseluruhan daripada apa yang pernah dianjurkan sebelumnya.

"Konsep melangkaui pembiayaan

kali ini diterjemahkan melalui empat teras utama iaitu padanan perniagaan, program pembangunan vendor, *umbrella* dan ekuiti pembiayaan atau ekuiti persendirian.

"Sebanyak 20 syarikat utama terbabit dalam program ini sebagai rakan strategik kami dan untuk Pa-

danan Perniagaan mereka adalah pasar raya besar seperti Aeon, Lulu Hypermarket dan Lesong Mart.

"Manakala, Program *Umbrella* pula disertai syarikat seperti Ramly Food Processing, KARA Holdings (Ayamas), Bateriku.com, Chatime, Prowheels dan Petro Teguh dan program Pembangunan Vendor pula membabitkan syarikat seperti Pharmaniaga, Tenaga Nasional, Sime Darby Property, Malaysia Airlines, Telekom Malaysia, Boustead Heavy Industries, Duopharma Biotech, Celcom Axiata, UMW Corporation dan UEM Edgenta," katanya.

**Sebanyak 20 syarikat utama terbabit dalam program ini sebagai rakan strategik**